

Pertandingan Memancing UMS meriah

4/11/12·13 84

KOTA KINABALU 10 Dis. - Kehangatan Tamu Gadang sempena Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Sabah (UMS) Ke-15 baru-baru ini dimeriahkan lagi dengan pertandingan memancing yang dianjurkan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP).

Ini diadakan dengan kerjasama pelajar tahun dua dan tiga, Pengurusan Sains Sukan, Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS) di Tasik Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial (SPKS).

Dalam pertandingan itu, Franco Morrow Balai muncul juara apabila

berjaya memancing ikan haruan seberat 0.9 kilogram, sekali gus membawa pulang RM700, hamper, joran, medal dan sijil.

Naib johan diraih Sibin Sinokit dengan ikan tilapia seberat 0.5 kilogram, manakala Murkam Hussien muncul sebagai pemenang tempat ketiga dengan ikan seberat 0.45 kilogram.

Mereka masing-masing menerima RM500 dan RM300 berserta hamper, medal, joran dan sijil.

Hadiyah turut diberikan kepada Mohd. Arip Mohd. Irwansyah yang berjaya memancing jumlah terba-

nyak dengan hasil tangkapan sebanyak 63 ekor ikan, melayakkan dia menerima hadiah RM50, medal, hamper berserta sijil penyertaan.

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan Pengetua Kolej Kediaman, Dr. Mohamad Nizam Nazarudin mewakili Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof. Madya Datuk Dr. Kasim Md. Mansur.

Pertandingan memancing pada kali ini berjaya menarik penyertaan hampir 100 kaki pancing dari seluruh daerah Sabah.



DR. Mohamad Nizam Nazarudin (kiri) bersama beberapa peserta pertandingan memancing sempena Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Sabah Ke-15 di Kota Kinabalu, Sabah, baru-baru ini.